


## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

### LAPORAN PENILAIAN ALAM SEKITAR (EIA)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah menerima dan memproses sebanyak 11 Laporan EIA pada tahun 2015. 11 Laporan EIA Awal telah diproses mengikut garis panduan dan standard MS ISO 9001:2008. Dari jumlah tersebut 8 laporan telah diluluskan sementara 2 laporan ditolak kerana tidak memenuhi kehendak Seksyen 34A [2], AKAS 1974 dan 1 laporan tidak diproses kerana telah ditarkembalikan oleh jururunding EIA atas alasan terdapat perubahan dalam senarai jururunding EIA.



### PENGUATKUASAAN PEMATUHAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN EIA

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 48 lawatan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh unit Penguatkuasaan EIA dari JAS Kuching yang melibatkan 26 projek/premis yang tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Penguatkuasaan ini juga adalah meliputi projek/premis yang terletak di luar Kuching seperti di Bintulu dan Sibul. Kebanyakan lawatan penguatkuasaan EIA adalah mengfokuskan penguatkuasaan terhadap projek-projek EIA di dalam peringkat pembinaan. Projek-projek EIA lain yang terlibat di dalam penguatkuasaan EIA pada tahun 2015 juga adalah kebanyakannya daripada sektor pengilangan logam dan juga premis Buangan Terjadual.

### LAPORAN PENILAIAN AWAL TAPAK (PAT)

Pada tahun 2015, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah menerima sebanyak 137 permohonan penilaian awal tapak (PAT). Dari jumlah tersebut 116 permohonan PAT adalah bagi industri/premis umum manakala 21 permohonan yang diterima adalah bagi premis/aktiviti yang ditetapkan (premis tertakluk EIA, kilang kelapa sawit, kilang getah asli mentah, premis penstoran/pemerolehan kembali buangan terjadual).

BIL.	BAHAGIAN	BILANGAN PERMOHONAN DIPROSES	
		UMUM	PREMIS/AKTIVITI YANG DITETAPKAN
1	KUCHING	39	5
2	SAMARAHAN	15	1
3	SRI AMAN	1	3
4	BETONG	1	0
5	SIBU	20	0
6	MUKAH	2	1
7	MIRI	13	3
8	BINTULU	21	8
9	LIMBANG	1	0
10	SARIKEI	1	0
11	KAPIT	2	0
JUMLAH		116	21

## PENDIDIKAN DAN PROMOSI KESEDARAN ALAM SEKITAR (KAS)

Program pendidikan dan promosi kesedaran alam sekitar yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pemuliharaan alam sekitar. Program-program yang dijalankan meliputi pelbagai aktiviti seperti ceramah, pameran dan kem kesedaran alam sekitar, ianya juga melibatkan penyebaran maklumat alam sekitar melalui media cetak, iaitu risalah-risalah seperti (Era Hijau, Impak) dan media elektronik. Perkhidmatan pusat sumber juga disediakan sebagai sumber rujukan orang awam, pihak perunding dan pelajar.



## STATUS KUALITI ALAM SEKELILING


Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sarawak menjalankan pengawasan status kualiti alam sekitar untuk mengenalpasti sebarang perubahan yang boleh memberi kesan kepada kesihatan manusia dan alam sekeliling. Maklumat dan data yang diperolehi akan disalurkan kepada bahagian penguatkuasaan sebagai salah satu usaha bagi mempertingkatkan lagi aktiviti pengawalan pencemaran dan orang ramai. Jabatan Alam Sekitar Sarawak memantau tiga segmen utama persekitaran iaitu kualiti air sungai, kualiti air laut dan kualiti air tanah.

### LOKASI STESAN PENGAWASAN AIR SUNGAI JAS DI NEGERI SARAWAK



### JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Tingkat 7 - 9, Wisma STA, 26 Jalan Datuk Abang Abdul Rahim  
93450 Kuching, Sarawak  
Telefon : 082-482535/339535/342354 Faks : 082-480863  
Laman Web : [www.doe.gov.my](http://www.doe.gov.my)



## JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Laporan Tahunan

# 2015

## ANNUAL REPORT

DEPARTMENT OF ENVIRONMENT SARAWAK  
Ministry of Natural Resources and Environment